



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**PERSEPSI GURU TERHADAP PENGGUNAAN KOMPUTER
DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DI
SEK.REN.KEB.CINA**

LIN CHIA YING

FPP 1998 28



**PERSEPSI GURU TERHADAP PENGGUNAAN
KOMPUTER DALAM PENGAJARAN DAN
PEMBELAJARAN DI SEK. REN. KEB. CINA**

Oleh

LIN CHIA YING

Kertas projek ini dikemukakan untuk memenuhi sebahagian

daripada syarat bagi mendapat Ijazah

Master Sains di Fakulti Pengajian Pendidikan

Universiti Putra Malaysia

November 1998



PENGHARGAAN

Syukur kepada Tuhan Maha Esa serta berkatnya, maka projek ini telah dapat disiapkan mengikut jadual. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih saya tujukan kepada penyelia saya, Profesor Madya Zakaria Kasa, Ph.D., yang telah memberi panduan, nasihat, tunjuk ajar dan bimbingan yang amat banyak dan berkesan.

Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia, khususnya Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Bahagian Pendidikan Guru, guru besar bagi SRK(C) Chin Woo, SRK(C) Chong Fah Phit Chee, SRK(C) Naam Kheung, SRK(C) Tsun Jin dan SRK(C) Connaught serta guru-guru yang terlibat kerana telah memberi kerjasama yang amat baik kepada saya untuk melaksanakan kajian ini.

Akhir sekali ucapan penghargaan yang paling istimewa ditujukan kepada pensyarah yang telah memberi tunjuk ajar sepanjang pengajian dan rakan sejawat, penulis ingin merakamkan penghargaan dan jutaan terima kasih di atas budi yang telah dihulurkan.



DAFTAR KANDUNGAN

	Halaman
PENGHARGAAN	ii
SENARAI JADUAL	v
ABSTRAK	vi
ABSTRACT	viii
 BAB	
I	PENDAHULUAN
	Pengenalan..... 1
	Pernyataan Masalah 6
	Objektif Kajian 6
	Kepentingan Kajian 7
	Batasan Kajian 8
	Definisi Istilah 9
II	TINJAUAN KAJIAN LEPAS
	Pengajaran Dan Pembelajaran..... 12
	Penggunaan Komputer Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran 15
	Kajian Berkaitan Persepsi Guru Perhadap Penggunaan Komputer Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran 20
	Peranan Guru Dalam Penggunaan Komputer Dalam Pendidikan 23



III	METODOLOGI	
	Reka Bentuk Kajian.....	26
	Lokasi Kajian.....	27
	Subjek Kajian.....	28
	Instrumen Kajian.....	28
	Kajian Rintis.....	31
	Pengumpulan Data.....	32
	Analisis Data	32
IV	DAPATAN KAJIAN	
	Taburan Responden Mengikut Sekolah.....	33
	Taburan Responden Mengikut Jantina.....	35
	Taburan Responden Mengikut Pengalaman Mengajar...	36
	Taburan Responden Mengikut Mata Pengajaran Utama Yang Diajar.....	37
	Taburan Responden Memiliki Komputer Peribadi.....	38
	Taburan Persepsi Responden Terhadap Kesediaan Guru Menggunakan Komputer.....	39
	Taburan Persepsi Responden Terhadap Pengalaman Dan Penglibatan Guru Dalam Penggunaan Komputer.....	41
	Taburan Persepsi Responden Terhadap Kesesuaian Komputer Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran	43
V	RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN	
	Pengenalan	46
	Rumusan	46
	Perbincangan	52
	Cadangan	62
	Cadangan Kajian Akan datang	63
	RUJUKAN	65
	LAMPIRAN A DAN SURAT KEBENARAN	70

SENARAI JADUAL

JADUAL		HALAMAN
1	Item Soalan Dan Aspek Kajian	29
2	Dapatan Kajian Rintis	31
3	Taburan Responden Mengikut Sekolah	34
4	Taburan Responden Mengikut Jantina	35
5	Taburan Responden Mengikut Pengalaman Mengajar	36
6	Mata Pelajaran Utama Yang Diajar	37
7	Taburan Responden Memiliki Komputer Peribadi	38
8	Taburan Persepsi Responden Terhadap Kesediaan Guru Menggunakan Komputer Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran	40
9	Taburan Persepsi Responden Terhadap Pengalaman Dan Penglibatan Guru Dalam Penggunaan Komputer	42
10	Taburan Persepsi Responden Terhadap Kesesuaian Mengguna Komputer Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran	44

Abstrak projek yang dikemukakan kepada Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi sebahagian syarat bagi mendapatkan Ijazah Master Sains.

**PERSEPSI GURU TERHADAP PENGGUNAAN
KOMPUTER DALAM PENGAJARAN DAN
PEMBELAJARAN DI SEK. REN. KEB. CINA**

Oleh

LIN CHIA YING

November 1998

Penyelia: Zakaria Kasa, Ph.D.

Fakulti: Pengajian Pendidikan

Objektif kajian adalah untuk meninjau persepsi guru di Sekolah Rendah Kebangsaan Cina terhadap penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran. Persepsi guru dikaji dari aspek kesediaan, pengalaman dan penglibatan dalam menggunakan komputer



untuk pengajaran dan pembelajaran serta kesesuaian mengguna komputer dalam pengajaran dan pembelajaran. Responden kajian terdiri daripada seratus dua puluh lima guru sesi pagi dari lima buah Sekolah Rendah Kebangsaan Cina. Data dikumpulkan dengan menggunakan soal selidik yang dibina khusus bagi tujuan kajian. Data dianalisis dengan menggunakan taburan frekuensi, peratusan, min, sisihan piawai dan mod. Hasil kajian menunjukkan guru mempunyai persepsi yang positif terhadap penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu dicadangkan supaya pihak kementerian Pendidikan lebih proaktif dalam mendedahkan guru-guru yang sedang berkhidmat dengan latihan berasaskan komputer untuk menangani cabaran era siber pendidikan di sekolah bistari nanti.

Abstract of project presented to the Faculty of Educational Studies,
Universiti Putra Malaysia in partial fulfillment of the requirements for the
degree of Master of Science.

**THE PERCEPTION OF TEACHERS TOWARDS THE USAGE OF
COMPUTERS IN TEACHING AND LEARNING
IN CHINESE PRIMARY SCHOOL**

By

LIN CHIA YING

NOV 1998

Supervisor : Associate Professor Zakaia Kasa, Ph.D

Faculty : Educational Studies

The objective of this research is to ascertain the perception of teachers towards the usage of computer in teaching and learning. The perceptions were viewed in three areas : the readiness of teachers using computer; the practices and involvement in computers and the effectiveness of computers in teaching and learning. The subjects



involved in this study consisted of hundred and twenty five teachers from five Chinese primary schools. Data were collected through a questionnaires specifically developed for this study. The data were analyzed using frequencies, percentage, mean, standard deviation and mode. The result showed that most of the teachers manifested positive perception towards the computers in teaching and learning. The study concluded that the teachers' perception toward the computers usage in teaching and learning as an innovation of educational technology is positive. Therefore it is recommended that the Ministry of Education should be proactive in conducting more computer based training to in service teachers in facing the challenge of the era of cyber education.



BAB 1

PENDAHULUAN

Pengenalan

Meskipun ramai yang berpendapat bahawa radio dan televisyen pendidikan membawa pelbagai kebaikan, tetapi pelbagai masalah yang ditimbul juga tidak dapat dinafikan. Kini, seiring dengan perkembangan teknologi yang berkembang pesat, komputer bukan sahaja digunakan untuk membuat pengiraan nombor-nombor yang kompleks tetapi ia telah digunakan dengan meluas untuk penyediaan dokumen, mencipta grafik, menghantar mesej, menghasilkan muzik, membuat simulasi dan lain-lain.

Kepentingan teknologi dan penggunaan komputer dalam era kehidupan telah menyedarkan Kementerian Pendidikan bahawa komputer sesuai menjadi perantaraan yang berkesan dalam mempertingkatkan proses pengajaran dan pembelajaran. Kerajaan telah memperuntukkan lebih kurang RM5 juta untuk membiayai kos pembelian komputer bagi kemudahan dan kegunaan di sekolah rendah dan menengah di seluruh negara.

Apabila komputer disediakan di sekolah-sekolah, bukan sahaja memberikan faedah kepada para pelajar, tetapi juga kepada guru. Guru perlu bersedia untuk memikir dan menstrukturkan semula persekitaran dan corak pengajaran dan pembelajaran yang telah digunakan sebelum ini.

Guru bersifat sebagai agen perubahan yang berkemampuan mempengaruhi pelajar dari segi mental dan perlakuan. Jika guru masih terikat dengan kaedah pengajaran yang biasa dan konvensional, maka perubahan dalam pendidikan tidak akan berlaku. Perubahan sosio budaya dan ekonomi negara ini memerlukan anjakan paradigma minda para guru supaya dapat bersaing dengan keadaan semasa. Perubahan ini amat penting untuk menghasilkan generasi baru yang akan membentuk sebuah masyarakat yang progresif dan makmur dengan ekonomi yang kukuh. Selain itu, satu masyarakat yang dapat memanfaatkan teknologi dan turut menyumbang kepada pembentukan peradaban sains dan teknologi pada masa depan.

Pemikiran baru dalam pendidikan berikutan dengan perkembangan teknologi maklumat telah memaksa pendidik melihat dan mengubah proses pengajaran dan pembelajaran, persekitaran pembelajaran, peranan guru, peranan pelajar dan cara pengurusan kurikulum yang serasi dengan era ini. Pembelajaran yang bermakna dapat memupuk dan mengembangkan potensi dan prestasi pelajar dengan berkesan dan mempertingkatkan ekonomi yang cekap dengan menggunakan daya fikir, pengetahuan dan kemahiran serta teknologi yang efektif.

Reformasi pendidikan yang dilaung-laungkan oleh Kementerian Pendidikan perlu diambil perhatian yang serius oleh para guru supaya dapat menyesuaikan pendidikan yang ada dengan perubahan sosial dan ekonomi, kemajuan sains dan teknologi, perkembangan maklumat. Johnston (1987) dan Vermette & Hall (1985) menegaskan bahawa, sikap guru adalah faktor utama sebagai penentu keberkesanan pelaksanaan sesuatu program. Menurut Mc Carthy (1990), guru merupakan kunci utama bagi sesuatu revolusi komputer. Kita perlu mengetahui apa kehendak guru dan memutuskan samada komputer dapat memberi penyelesaian ataupun sebaliknya.

Pengajaran dan pembelajaran yang dilaung-laungkan oleh Kementerian Pendidikan dan pemimpin negara kita untuk masa depan menekankan pembelajaran berkesan, pengajaran berkesan dan penggunaan teknologi canggih. Tren baru bagi alam pendidikan ini memerlukan guru yang mampu menggunakan teknologi moden, khasnya komputer untuk keperluan diri dan untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah.

Keberkesanan penggunaan komputer di sekolah bergantung sepenuhnya kepada pemahaman guru terhadap apa yang boleh dibuat oleh komputer. Tidak semestinya seseorang guru itu memahami komputer hingga kepada tahap elektronik ataupun terpaksa menulis aturcara. Pemahaman guru tentang komputer dapat dipupuk menerusi pembacaan, menghadiri kursus, atau mencuba perisian. Para guru juga harus berfikiran terbuka dan berimajinasi serta peka kepada segala kemungkinan yang akan berlaku.

Persepsi positif guru mungkin akan menolong tercapainya matlamat mengintegrasikan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Menurut Yahaya (1982), persepsi perlu untuk menentukan pendapat, penerimaan, atau rasa tidak puas hati terhadap apa yang dilihat dan dialami. Dengan kata lain, persepsi merupakan tanggapan atau pengamatan seseorang terhadap sesuatu, misalnya persepsi guru terhadap penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran. Persepsi ini terbentuk berdasarkan pengalaman yang dilalui, sama ada dengan cara melihat, merasa, mendengar, mengalami, memahami atau sebagainya.

Menurut Bliss, Chandra dan Cox (1988), pengalaman-pengalaman ini akan mempengaruhi guru mengimplimentasikan penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran sebagai satu inovasi teknologi pendidikan. Maka persepsi guru tentang penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran merupakan salah satu perkara penting yang perlu diberi perhatian dalam proses mengimplimentasikan dan mengintegrasikan komputer dalam pendidikan.

Pernyataan masalah

Banyak Sekolah Rendah Kebangsaan Cina telah dilengkapi dengan kemudahan komputer sebagai satu usaha menggunakannya dalam pengajaran dan pembelajaran. Persoalannya ialah sejauhmanakah penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran telah diterima dan diamalkan oleh guru di Sekolah Rendah Kebangsaan Cina. Oleh kerana tidak banyak lagi kajian yang telah dijalankan atas isu ini, maka kajian ini dilaksanakan untuk mengenalpasti persepsi guru bagi sekolah jenis ini terhadap penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran.

Objektif kajian

Secara amnya kajian ini bertujuan untuk meninjau persepsi guru terhadap penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran.

Secara khususnya, objektif kajian ini ialah untuk:

- mengenalpasti persepsi guru tentang sejauhmana kesediaan mereka menggunakan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran

- mengenalpasti persepsi guru tentang sejauhmana penglibatan mereka dalam penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran
- mengenalpasti persepsi guru tentang kesesuaian penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran

Kepentingan Kajian

Dapatan kajian ini dapat memberikan gambaran terhadap kesan dan hasil usaha Sekolah Rendah Kebangsaan Cina yang cuba mengintegrasikan komputer dalam bidang pendidikan di peringkat permulaan. Di samping itu, dapatan ini juga memberi gambaran dari aspek kesediaan, penglibatan, dan pandangan guru terhadap penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran di peringkat awal. Diharapkan dapatan kajian ini akan membantu pihak sekolah, Bahagian Pendidikan Guru, dan Jabatan Pendidikan negeri merancang program latihan guru dalam perkhidmatan. Rancangan yang akan dilaksanakan itu perlu berasaskan keperluan dan kemampuan guru untuk menyediakan mereka dalam profesional perguruan supaya dapat menghadapi era komputer dalam pendidikan.

Selain itu, pihak sekolah dan Jabatan Pendidikan boleh menilai tahap kesediaan di kalangan guru untuk menggunakan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran. Diharapkan dapatan kajian ini dapat mendorong kajian selanjutnya dan mencari langkah yang paling sesuai untuk melaksanakan penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

Batasan kajian

Kajian ini terbatas kepada guru-guru di lima buah Sekolah Rendah Kebangsaan Cina di zon Pudu, Wilayah Persekutuan. Dapatan kajian ini merupakan persepsi guru-guru di kawasan Pudu, Wilayah Persekutuan sahaja. Ketepatan kajian ini juga dibatasi oleh ketepatan guru-guru menjawab instrumen penyelidikan yang digunakan, iaitu soal selidik.

Definisi Istilah

Berikut diuraikan beberapa istilah berdasarkan kajian yang akan dijalankan.

- Persepsi

Menurut Good (1973), persepsi telah ditakrifkan dengan tiga cara, iaitu:

Persepsi bermaksud kesedaran terhadap unsur-unsur persekitaran seperti suasana hubungan, objek, dan sebagainya, ianya kesan daripada rangsangan deria. Dengan kata lain, persepsi merupakan suatu proses berterusan dan sesuatu kesedaran terhadap apa jua yang diperoleh dan bagaimana cara yang memperolehnya.

Atkinson dan Hilgard (1983) mendefinisikan persepsi sebagai proses menyusun dan mentafsir pola-pola rangsangan melalui organ-organ penerimaan dan kemudiaan menghasilkan dan membentuk imej mengenai persekitaran.

Menurut Rowtree (1981), persepsi ialah satu proses manusia memperoleh maklumat daripada persekitarannya dengan menggunakan salah satu daripada pancaindera mereka, sama ada melalui pendengaran, penglihatan atau sebagainya.

Hebb (1986) telah mendefinisikan persepsi sebagai persediaan untuk bertindak balas terhadap sesuatu rangsangan dan fungsi persepsi sebagai persediaan untuk bertindak balas terhadap sesuatu rangsangan, dan fungsi tanggapan pula sebagai asas yang boleh digunakan ke arah menentukan tindakan yang akan dilaksanakan apabila berhadapan dengan sesuatu rangsangan.

Lavesque (1992) telah mendefinisikan persepsi sebagai satu proses bagaimana manusia memproses dan mengendalikan berbagai maklumat yang didapati daripada persekitarannya dengan menggunakan pancainderanya.

Dalam kajian ini, persepsi ialah pengalaman, pandangan, pendapat, dan persediaan guru untuk bertindak balas terhadap penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran sebagai satu inovasi teknologi pendidikan.

BAB II

TINJAUAN KAJIAN LEPAS

Pengenalan

Bab ini menerangkan tentang perbincangan dan kajian yang berkaitan dengan penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran . Beberapa tinjauan dan bahan bacaan yang berkaitan telah dinyatakan bagi menyokong kajian berkaitan.

Pengajaran Dan Pembelajaran

Menurut Mok Soon Sang (1994), pengajaran ialah suatu organisasi aktiviti yang dirancang dan diolah oleh guru untuk menyampaikan kefahaman maklumat tertentu kepada pelajarinya dalam suatu yang dipanggil bilik darjah. Dengan itu, pengajaran di dalam bilik darjah boleh dinyatakan sebagai suatu proses yang kompleks dalam menyampaikan berbagai bagi ilmu pengetahuan yang melibatkan interaksi di antara

guru dengan pelajar dengan menggunakan beberapa kaedah yang tertentu bagi mencapai objektif pengajaran, iaitu perubahan tingkah laku yang dikehendaki melalui perancangan yang rapi dan formal. Pengajaran juga merupakan suatu proses yang sistematik dan berkesinambungan kepada pelajar.

Menurut Hurst (1991), pembelajaran merupakan sesuatu perubahan yang berlaku terhadap seseorang individu daripada interaksinya dengan orang lain dan hubungannya dengan persekitaran. Pembelajaran juga dianggap sebagai proses melakukan berbagai-bagai gerak balas yang disebabkan oleh sesuatu rangsangan yang kemudiannya diikuti dengan memilih gerak balas yang sesuai; mengulang-ulangkan atau mengarahkan gerak balas yang dipilih itu sehingga akhirnya terbentuk kemahiran.

Pendapat ini juga disokong oleh Gagne (1987) dan Kamaruddin (1993) yang menyatakan bahawa pembelajaran merupakan satu proses aktif yang memerlukan rangsangan dan bimbingan ke arah matlamat yang diinginkan. Dengan demikian, pengajaran lebih merupakan proses

pengurusan untuk menyampaikan dan mempraktikkan atau menggunakan sesuatu. Pembelajaran pula bertindak sebagai proses menerima sesuatu yang disampaikan secara berkesan. Tegasnya, proses pengajaran dan pembelajaran itu melibatkan perancangan dan penerimaan kepada pengalaman dan sikap tertentu. Pengajaran dan pembelajaran yang berkesan bergantung kepada guru.

Kaedah pengajaran dan perancangan pengajaran yang diolah oleh guru memberi impak terhadap pembelajaran pelajar. Ini kerana pembelajaran merupakan satu proses yang aktif yang memerlukan rangsangan dan bimbingan daripada guru. Justeru, boleh dikatakan bahawa guru akan mempengaruhi keberkesanan penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran. Amalan guru dalam penggunaan komputer pula akan dipengaruhi oleh persepsi guru terhadap peranan komputer.

Penggunaan Komputer Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran

Giesert dan Futrell (1990) menegaskan bahawa seseorang guru yang menggunakan komputer dalam pengajaran dan pembelajarannya boleh dikategorikan sebagai mempunyai bakat dan berkebolehan tambahan. Pengajaran yang disertakan dengan alat bantu mengajar yang terkini akan dapat meningkatkan minat pelajar mempelajari sesuatu bidang pelajaran. Tambahan lagi, jika komputer dapat digunakan secara sistematik dan berkesan oleh para guru, komputer mampu menyelesaikan banyak masalah pengajaran dan pembelajaran.

Ini selaras dengan pandangan Heinich (1993) yang mengatakan bahawa komputer dapat memperkayakan teknik pengajaran. Komputer adalah pelengkap kepada penyampai pengajaran yang berkesan. Sandholtz (1997) telah menyuarakan bahawa penggunaan teknologi di sekolah boleh memudahkan pengajaran dan pembelajaran. Maka dapat dikatakan bahawa komputer mempunyai kelebihan menjadi media yang sesuai dan berkesan dalam konteks pengajaran dan pembelajaran dalam bidang pendidikan.